



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SEMAK STATUS PERJALANAN ANDA SEBELUM KE LUAR NEGARA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menasihatkan semua pembayar cukai agar membuat semakan status perjalanan dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia terlebih dahulu sebelum ke luar negara.

Sekatan perjalanan ke luar negara boleh dikenakan kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan Cukai Pendapatan atau Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan gagal dijelaskan walau pun setelah banyak peringatan diberikan oleh LHDNM.

Sehingga tempoh 31 Mei 2016, seramai 116,836 pembayar cukai telah dikenakan sekatan perjalanan atas kegagalan mereka menjelaskan tunggakan cukai pendapatan berjumlah melebihi RM2.554 bilion. Manakala 9,665 orang pembayar cukai lagi dikenakan sekatan perjalanan kerana gagal menjelaskan tunggakan CKHT berjumlah hampir RM150 juta.

LHDNM mengambil maklum bahawa ramai dalam kalangan pembayar cukai telah membuat perancangan untuk bercuti di musim perayaan ini, justeru bagi mengelakkan kerugian tiket penerbangan dan kos perjalanan adalah lebih baik mereka membuat semakan status sekatan perjalanan mereka terlebih dahulu dan menjelaskan tunggakan cukai mereka jika ada. Semakan boleh dilakukan melalui pautan berikut:

<http://sspi2.imi.gov.my/>

LHDNM tidak akan menanggung sebarang kerugian yang dialami oleh pembayar cukai akibat daripada kecuaiannya mereka gagal menjelaskan tunggakan cukai pendapatan dan CKHT.

1. Statistik Tindakan Larangan Meninggalkan Negara (Sekatan Perjalanan)

Jenis Cukai	Tahun	Bilangan Kes Berkuatkuasa	Amaun Cukai Tertunggak (RM Juta)
Cukai Pendapatan (Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967)	2015	101,702	2,561.736
	Sehingga 31 Mei 2016	116,836	2,554.230
Cukai Keuntungan Harta Tanah (Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976)	2015	11,288	163.982
	Sehingga 31 Mei 2016	9,665	149.725

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

HASiL Teman Keceriaan Anda

Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 21 Jun 2016

Kenyataan Media LHDNM, 21 Jun 2016